

# MukaSepuluh

E-mel: [bhrencana@bh.com.my](mailto:bhrencana@bh.com.my) BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.

# RMK-12 perkasa iltizam basmi kemiskinan tegar menjelang 2025

Oleh Prof Madya Dr Wan Ahmad Amir Zal Wan Ismail  
**bhrencana@bh.com.my**

**Malaysia** dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) menzhahirkan iltizam lebih kuat untuk menguruskan kemiskinan. Ia dimanifestasikan melalui Tema 2 dan Pemacu Perubahan 6, iaitu mentransformasi pendekatan bagi membasmi kemiskinan tegar.

Iltizam paling menonjot untuk menguruskan kemiskinan adalah membasmi kemiskinan tegar pada 2025. Bagi merealisasikannya, Malaysia nampak bersedia dengan tiga perkara asas.

Pertama, memperkenalkan metodologi baharu Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2019 di samping cuba mengimplementasikan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi yang diperkenalkan Universiti Oxford.

Kedua, penumpuan kepada menambah baik pangkalan data sedia ada, iaitu sistem e-Kasih, manakala ketiga, menambah baik strategi menguruskan kemiskinan melalui serampang dua mata dengan meningkatkan modal insan dan peningkatan kesejahteraan hidup.

Penumpuan tiga strategi ini tepat kerana ia adalah seliesel dan genting dalam usaha menguruskan kemiskinan. Namun, iltizam terbatit dijangka berhadapan banyak cabaran besar.

Pertama, dengan memperkenalkan PGK 2019, insiden kemiskinan kebangsaan meningkat dengan ketara. Seramai 266,015 ketua isi rumah (KIR) berada dalam insiden miskin tegar bersamaan 52.3 peratus daripada insiden miskin mutlak.

Bilangan isi rumah terperangkap dalam insiden miskin tegar pula berjumlah 993,104 orang. Jumlah ini termasuk bilangan insiden kemiskinan bandar, iaitu 22,8561 KIR atau 28.2 peratus daripada miskin mutlak bandar. Jumlah ini termasuk kelompok tidak produktif seperti warga emas, orang kurang upaya (OKU) tidak mampu bekerja serta mempunyai sakit kritis.

Komitmen merealisasikan iltizam ini bertambah berat jika kita mengambil kira Malaysia akan menjadi negara menua pada 2030 - 15 peratus penduduk Malaysia berumur 60 tahun ke atas.

Cabaran kedua, perlu mengambil kira kelompok terancam contohnya Orang Asli. Peratus tinggi Orang Asli berada dalam insiden kemiskinan, iaitu 33.6 peratus bagi 2019. Usaha membasmi kemiskinan komuniti ini sentiasa berhadapan pelbagai dilema.

Selain itu penempatan mereka yang kebanyakannya masih di pedalaman, juga isi berkaitan hak tanah, keciran pendidikan dan tahap modal insan rendah, menyukarkan pembasmian miskin tegar dilaksanakan.

Cabaran ketiga, insiden kemiskinan tinggi di tiga negeri, iaitu Sarawak, Kelantan dan Sabah. Insiden miskin mutlak Sarawak sebanyak 11.9 peratus bagi 2016, manakala 9 peratus pada 2019.

Bagi Kelantan pula, 19.5 peratus pada 2016 dan 12.4 peratus (2019). Bagi Sabah, sebanyak 23.9 peratus bagi 2016 dan 19.5 peratus (2019).

Sementara itu, 10 daerah insiden kemiskinan ter-

tinggi di negara ini berada di tiga negeri terbabit. Justeru, tumpuan perlu diberikan secara eksklusif untuk membasmi miskin tegar di samping lebih proaktif menguruskan kemiskinan di negeri lain.

Cabaran keempat, keperluan kepada *exit policy* atau dasar pemisah jelas sebagai ukuran individu keluar daripada kemiskinan tegar.

Benar, petunjuk assasnya adalah PGK miskin tegar, iaitu RM1,169 sebulan. Jika keluar daripada miskin tegar sekali pun, mereka masih dalam kategori miskin kerana pendapatan mereka masih dalam PGK miskin (RM2,208 sebulan).

Justeru, apakah dasar pemisah perlu dirujuk untuk menjadi ukuran bahawa mereka berjaya keluar daripada kemiskinan? Bagaimana pula kualiti dan kesejahteraan mereka? Termasuk persoalan indeks kemiskinan pelbagai dimensi mereka, adakah juga berubah?

Kita harus akui tumpuan menambah baik pangkalan data kemiskinan sangat tepat. Selain usaha menghasilkan pangkalan data bersepadu dan berpusat, pangkalan data versi baharu juga dijangka dapat menyelesaikan isu data bertindih serta ralat. Namun, ia perlu dilakukan separtas mungkin kerana ia asas kepada usaha membasmi kemiskinan lain.

Tindakan memperkasakan pegawai di lapangan juga tepat untuk mengharmonikan data dan sumber data berdasarkan prinsip objektif serta profesional.

Namun, perlu diintegrasikan juga dengan agensi lain memiliki data berkenaan individu yang tiba-tiba menjadi miskin atau dikenali sebagai kemiskinan situasi, akibat kehilangan kerja dan perlu menanggung komitmen hutang tinggi. Pengalaman ini kita peroleh daripada pandemik COVID-19 yang masih membelenggu.

Antara elemen lain perlu dilakukan segera adalah menerima guna konsep data terbuka. Input dalam pangkalan data boleh disemak dan diakses pelbagai pihak, sudah pasti terhad kepada data tertentu saja.

Konsep ini akan menggalakkan masyarakat turut sama menguruskan kemiskinan melalui usaha intervensi tertentu, sama ada untuk bantuan atau melaksanakan aktiviti pembinaan kapasiti.

Memandangkan RMK-12 bersifat operasional kepada Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030, maka wajar dihubungkan terus pengurusan dan pembasmian kemiskinan RMK-12 dengan strategi besar WKB 2030 seperti Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA) yang mempunyai Taburan Wilaayah Ekonomi mengikut negeri.

Ini juga boleh direalisasikan dengan menghubungkan kerjasama strategik antara tiga negeri yang mempunyai insiden kemiskinan tertinggi, iaitu Sarawak, Kelantan dan Sabah.

Antara usahaya, memperkasakan potensi dan marinir lebih banyak pelabur untuk merancakkan ekonomi yang kemudian akan menghasilkan limahan kemakmuran ekonomi.

RMK-12 diusahakan untuk tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada pendekatan atas-bawah (*top-down*), sebaliknya cuba menggunakan pendekatan bawah-atas (*bottom-up*).

Tidak dinafikan banyak manfaat akan diperoleh daripada pendekatan bawah-atas, namun mengharapkan pendekatan ini sahaja, sebetulnya tidak akan mampu mencapai sasaran membasmi miskin tegar.

Sebaliknya pendekatan bawah-atas wajar diiktucasakan dengan pendekatan rakan kongsi atau *partnership* untuk menggalakkan ‘bekerja bersama’ antara agensi, industri, komuniti dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Malah, pendekatan ini menjadi jantung pelaksanaan perusahaan sosial kerana ia bergantung kolaborasi antara pemegang taruh.

Sungguhpun kedengaran seolah-olah terlalu banyak perkara perlu dilakukan untuk mengurus dan membasmi kemiskinan dalam RMK-12, apa paling melegakan ialah Malaysia tidak lepas tangan daripada isu kemiskinan, lebih-lebih lagi selepas mengisyiharkan PGK 2019 dan kemudian meningkatkan insiden kemiskinan negara.

Sebaliknya, Malaysia memperkasakan lagi iltizam menguruskan kemiskinan dalam RMK-12 melalui pelbagai penambahanakan akan dilaksanakan. Iltizam ini memberi citra positif kepada semua rakyat untuk bersama menikmati kemakmuran inklusif, tanpa ada tertinggal di belakang.



Miskin bandar akibat kenaikan kos sara hidup turut menjadi tumpuan RMK-12 bagi membasmi kemiskinan tegar pada 2025. (Foto hiasan)